

Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)

Pelan perlindungan pembiayaan perumahan sektor awam



*Bukan sahaja Takaful,
Etika Takaful*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etika Family Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). | Ahli PIDM

Miliki kediaman untuk anda dan orang yang tersayang

Membeli rumah bukan sesuatu yang mudah terutama dengan kenaikan harga rumah. Selain itu, mendapatkan pembiayaan kewangan adalah semakin sukar. Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) membantu anda menyelesaikan baki jumlah pembiayaan perumahan sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

Ciri-ciri Utama

Tempoh Perlindungan	Minimum: 1 tahun Maksimum: 40 tahun (termasuk tempoh tertangguh) atau mencapai umur 90 tahun, yang mana terdahulu.
Nota: Untuk Skim Pembiayaan Perumahan Muda (SPPM), tempoh perlindungan maksimum adalah sehingga 45 tahun (termasuk tempoh tertangguh) dengan kelayakan untuk umur kemasukan bermula daripada 18 hingga 30 tahun.	
Jumlah Pembiayaan	Jumlah pembiayaan melebihi RM750,000 adalah tertakluk pada pengunderaitan.
Tempoh Tertangguh	0-5 tahun

Penjawat awam yang mengambil cuti tanpa gaji layak untuk tempoh tertangguh sehingga 5 tahun, tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

- a) Orang Dilindungi yang melanjutkan pelajaran; atau*
- b) Orang Dilindungi yang menemani pasangan yang melanjutkan pelajaran; atau*
- c) Orang Dilindungi menemani pasangan yang bekerja dengan kerajaan di luar negara; atau*
- d) Orang Dilindungi yang mengambil cuti tanpa gaji untuk menjaga anak-anak dalam tempoh kurang daripada 1 tahun selepas cuti bersalin tamat.*

Nota:

1. Tertakluk kepada kes tanpa pembiayaan.
2. Untuk maklumat lanjut tentang manfaat, sila rujuk kepada Sijil Takaful.

Kelayakan

Umur Kemasukan Orang Dilindungi*	Umur minimum: 18 tahun Umur maksimum: 70 tahun
Umur Tamat Tempoh*	Umur maksimum: 90 tahun

**Umur Hari Jadi Terdekat*

Hanya layak untuk pemohon Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) sahaja.

Manfaat

Manfaat Kematian	Sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia semasa tempoh perlindungan, jumlah dilindungi berkurangan dan lebih terkumpul (jika ada) akan dibayar.
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Sekiranya HUMK berlaku sebelum umur 70 tahun, manfaat ini yang merupakan pendahuluan bagi manfaat Kematian, akan dibayar seperti berikut: • 100% daripada jumlah dilindungi berkurangan akan dibayar selepas 6 bulan dari tarikh hilang upaya, tertakluk pada kelulusan tuntutan, sehingga maksimum RM1 juta. • Baki (jika ada, sehingga RM1 juta) akan dibayar 1 tahun dari tarikh bayaran pertama. Sekiranya berlaku kematian, baki manfaat akan dibayar sekaligus dan kontrak akan ditamatkan.

Asas Kontrak

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian dari sumbangan kepada Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak peserta untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

Sumbangan tunggal ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebih daripada DRP diperuntukkan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan berdasarkan polisi lebihan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada lebihan agihan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil takafulnya masih berkuat kuasa dan tidak pernah membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami untuk mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Jua'lah. Jua'lah adalah kontrak ganjaran yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada orang yang dilindungi adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan ke atas dana berasingan akan dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang mana sijil takafulnya masih berkuat kuasa dan 15% akan dibayar kepada Kami berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah ialah kontrak yang dipersetujui di antara Kami dan orang yang dilindungi untuk keuntungan pelaburan. Dana berasingan tersebut akan dibayar bersama dengan manfaat, pada tarikh tamat tempoh sijil takaful, atau diminta oleh orang yang dilindungi kepada Kami dan peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil takaful dan amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.

Pengecualian MRTT

Kami tidak akan membayar manfaat ini sekiranya ia berlaku disebabkan oleh:

Kematian Bunuh Diri

Sekiranya orang dilindungi membunuh diri ketika waras:

- a) Dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan, kami akan membayar balik jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- b) Selepas 1 tahun dari tarikh permulaan, kami akan membayar balik jumlah dilindungi berkurangan.

Sekiranya orang dilindungi membunuh diri ketika tidak waras, kami akan membayar jumlah dilindungi berkurangan.

HUMK

1. Keadaan pra-wujud, kecuali orang dilindungi yang terjejas dengan keadaan ini telah dilindungi di bawah Sijil Takaful ini selama lebih daripada 1 tahun dari tarikh permulaan;
2. Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri, ketika waras;
3. Kecederaan atau penghospitalan di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah;
4. Memasuki, mengendalikan, atau memberikan perkhidmatan menaiki atau menuruni, dari atau dengan mana-mana peranti atau pengangkutan udara kecuali ketika orang dilindungi berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial pada perjalanan penumpang berjadual teratur menggunakan laluan penumpang yang ditetapkan;
5. Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, penderhakaan tentera, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia; atau
6. Penglibatan dalam apa-apa sukan dan hobi yang berbahaya seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), terbang luncur, belayar atau hobi lain yang sama-sama berbahaya dan berisiko melainkan sumbangan risiko sukan telah dibayar.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Nota Penting MRTT

Anda perlu memahami pelan ini sepenuhnya bagi memastikan ia menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini mengikut kemampuan anda.

Semasa Sijil Takaful diserahkan, mencapai tempoh matang, atau tamat tempoh Sijil Takaful, semua manfaat di bawah pelan ini akan terbatal. Sekiranya anda menyerahkan Sijil Takaful selepas 1 tahun dari tempoh perlindungan, kami akan membayar nilai serahan, dan mana-mana lebihan terkumpul dari Dana Risiko Peserta (DRP).

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Sijil Takaful ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh 15 hari selepas Sijil Takaful diterima oleh anda, atau dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan Sijil Takaful, mana-mana yang terdahulu. Kami akan membatalkan perlindungan dan semua sumbangan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, selepas ditolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, Sijil Takaful ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Sijil Takaful ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil Takaful ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil Takaful ini dihantar secara elektronik.

Sila pastikan anda merujuk kepada Ilustrasi Pemasaran berkaitan Sijil Takaful anda yang disediakan oleh Etiqa Family Takaful Berhad.

Risalah ini adalah untuk rujukan semata-mata dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak.

Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqua Online 1300 13 8888
www.etiqua.com.my



Etiqua Family Takaful Berhad (199301011506)

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888

F +603 2297 3800

E info@etiqua.com.my

Hubungi kami di



Etiqua



myetiqua